

Headline	Cendawan kelabu punyai potensi	Language	MALAY
Date	02. Jan 2008	Page No	13
Media Title	Berita Harian	Article Size	744 cm2
Section	Nasional	Frequency	Daily
Circulation	217991	Color	Full Color
Readership	762968		



Cendawan kelabu punyai potensi

Nabil bermula dengan projek kecil-kecilan kini diusahakan secara komersial



SEGAR: Nabil dan isteri menunjukkan cendawan kelabu yang tumbuh di rumah peram.

YAZIT RAZALI/BERITA HARIAN

CENDAWAN semakin mendapat tempat di kalangan pengusaha tempatan berikutan permintaan yang cukup menggalakkan serta harga yang tinggi di pasaran bahkan pendapatan daripada hasil pertanian ini tidak pernah mengalami penurunan.

Atas sebab itu serta keinginan yang kuat untuk memiliki serta menjalankan perusahaan sendiri, pasangan suami isteri, Nabil Sanusi, 36, dan Surina Saad, 36, memberanikan diri menceburi kegiatan tanaman cendawan tiram kelabu (*PLEurotus Sajor-caju*).

Berbekalkan modal yang kini dikatakan sudah melebihi RM200,000, Sanusi cukup optimis, industri itu mampu memberi pulangan lumayan serta mewujudkan industri sokongan dan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Sanusi memulakan projek di tanah seluas 0.045 hektar milik keluarganya di Kampung Jenderam Hulu, Sepang, Selangor. Beliau kini mempunyai tiga rumah cendawan yang mampu mengeluarkan hasil kira-kira 100 kilogram (kg) cendawan sehari secara tetap dan terkawal.

Anak muda berkelulusan akauntan itu langsung tidak mempunyai kepakaran atau pengetahuan dalam bidang tanaman cendawan sebaliknya mahir dalam bidang logistik tetapi mula menunjukkan minat selepas diperkenalkan mengenai tanaman itu oleh seorang rakannya.

Beliau kemudian mengambil beberapa kursus berkaitan cendawan daripada Unit Tanaman Cendawan, Seksyen

INFO

Antara jenis cendawan yang boleh dimakan di Malaysia

- Cendawan Tiram Kelabu (*PLEurotus Sajor-caju*)
- Cendawan Tiram Putih (*PLEurotus Florida*)
- Cendawan Tiram Merah Jambu (*PLEurotus Flabellatus*)
- Cendawan Tiram Kuning (*PLEurotus citnonipileatus*)
- Cendawan Telinga Kera (*Auricularia auricula-judae*)
- Cendawan Sisik / Kukur (*Schizophyllum commune*)
- Cendawan Cendawan Ling Zhi (*Ganoderma licidum*)
- Cendawan Abalon (*PLEurotus cystidiosus*)
- Cendawan Shiitake (*Lentinus edodes*)
- Cendawan Perut Lembu (*Clitocybe sp*)
- Cendawan Bunga Kobis (*Hericium erinaceum*)

Penyelidikan dan Agroteknologi dan Persatuan Jurutera Pertanian Malaysia (MASE) dan Jabatan Pertanian dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Saya cukup yakin untuk menjadikan tanaman ini secara komersial. Pada peringkat awal, saya langsung tidak mempunyai pengetahuan mengenai pasaran. Ketika generasi pertama cendawan mengeluarkan hasil kira-kira 40 kilogram sehari, kami tidak tahu apa yang perlu dilakukan.

“Saya agihkan cendawan itu secara percuma kepada sesiapa saja, tetapi sekarang, semua sudah berubah kerana ramai pembeli yang datang sendiri ke sini untuk dapatkan bekalan.

“Kini, saya boleh tetapkan berapa bekalan yang diperlukan sehari mengikut permintaan. Ketika ini harga peruncit sekitar RM6 atau RM7 sekilo. Dianggarkan tempahan setiap hari mencecah 200 kg,” katanya.

Memulakan usaha secara komersial sejak Mac lalu, Sanusi kini mampu menggaji enam pekerja menguruskan tanaman. Selain itu, ada sembilan pelajar pengajian Pengurusan Perladangan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjalani latihan praktikal di situ selama lima minggu.

Cendawan kelabu sebenarnya mempunyai khasiat mampu mengawal atur darah – antitrombotik; merendahkan tekanan darah dan kandungan glukosa serta lipid; meningkatkan sistem imun badan melawan jangkitan virus dan bakteria; merencatkan tumbesaran

“Dulu saya agihkan itu secara percuma kepada sesiapa saja, tetapi sekarang ramai pembeli yang datang sendiri ke sini untuk mendapatkan bekalan”

Fatonah Arbain
Pemilik MJ Fatonah Enterprise

tumor dan sebagai antioksidan serta aktiviti pelindung gen.

Mengenai proses tanaman cendawan, ia adalah mengikut tiga peringkat ‘rumah’ penghasilan iaitu rumah proses, rumah peram dan rumah hasil. Cendawan mampu dikutip dalam tempoh dua bulan setengah dan setiap beg media mampu mengeluarkan enam kali hasil dalam tempoh berkenaan.

Di rumah proses, bahan media penanaman cendawan disediakan daripada campuran habuk kayu getah, dedak padi dan kapur pertanian dalam nisbah 100: 10: 1. Kesemua bahan itu dibancuh di dalam mesin ‘mixer’ dan ditambah 50 peratus hingga 75 peratus air.

Selepas dibancuh, bahan tadi dimasukkan ke dalam ‘beg media’ yang berbentuk seperti botol yang mempunyai span kecil di bahagian penutup untuk

aliran udara. Setiap beg media boleh memuatkan antara 900 gram hingga satu kilogram bahan bancuhan berkenaan.

Beg berisi bahan itu perlu dikukus selama lapan hingga 10 jam di tempat pengukus untuk membasmi kuman dan selepas dikukus, ia perlu dibiarkan sejuk selama 24 jam sebelum dipindahkan ke Rumah Peram iaitu tempat suntikan benih cendawan dilakukan.

Proses di rumah peram dianggap paling kritikal kerana pekerja dan bilik mestilah bersih serta perlu disembur ubat pembasmi kuman sebelum beg media dimasukkan ke situ dan diletakkan di rak peram.

Di tempat rak peram ini, beg media cendawan mula diperhatikan pertukaran warna media cendawan daripada warna coklat perang ke warna putih. Pertukaran warna ini berlaku bermula dari penutup botol beg media sehingga ke bawah dalam masa dua bulan setengah untuk menjadi warna putih keseluruhannya.

Beg media yang menunjukkan pertumbuhan positif iaitu berisi cendawan putih yang banyak akan dipindahkan ke Rumah Hasil, manakala yang bertukar warna oren atau hitam akan disingkirkan kerana dikategorikan sebagai rosak.

Sanusi menjelaskan, proses di rumah hasil agak rumit dan memerlukan penelitian kerana di sinilah cendawan akan bercambah dan membesar sebelum dipetik.

“Di sini, paling penting ialah pengawalan suhu dan yang paling sesuai ialah antara 28 darjah celsius hingga 32 darjah celsius.

“Cendawan ini tidak boleh terkena air kerana ia cepat rosak dan tidak tahan lama. Beg media diletakkan di rak khas dan pengawalan suhu menggunakan saliran air di tapak lantai rak berkenaan. Konsep tanaman di sini ialah secara organik dan tiada baja kimia atau racun digunakan,” katanya.

Mengenai masalah penyakit atau risiko tanaman, beliau berkata masalah yang sering dihadapi ialah penyakit kulit hijau dan oren serta serangan serangga dan tikus, bagaimanapun masalah itu boleh diatasi dengan pemantauan rapi setiap hari oleh pekerja mahir dan terlatih.

Atas sebab itu, rumah hasil yang kosong akan dibersihkan menggunakan pencuci dettol dan clorox bagi menghapuskan parasit sebelum beg media dipindahkan ke situ.

Bagi perancangan jangka panjang, Sanusi berhasrat menambah tiga lagi bangunan rumah hasil sebagai sokongan kepada tiga bangunan sedia ada. Ia bertujuan meningkatkan pengeluaran bekalan pada peringkat pasaran lebih besar di pasar raya besar.

“Jika memasuki pasaran di pasar raya besar, kami memerlukan bekalan yang banyak dan secara tetap, sebab itu kami perlu tambah bangunan rumah hasil” katanya.

Nabil boleh dihubungi di talian 012-2073982, beralamat di Lot 6300, Jalan Ahmad Kusashi, Kampung Jenderam Hulu, Salak Tinggi, Sepang, Selangor.

Headline **Cendawan kelabu punyai potensi**
Date **02. Jan 2008**
Media Title **Berita Harian**

